



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

## KENYATAAN MEDIA

### MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

---

#### **NGA KOR MING TERUSKAN TRADISI DAP, SALUR PERUNTUKAN RM72,000 KEPADA 24 MASJID DI PARLIMEN TELUK INTAN**

---

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan merangkap Ahli Parlimen Teluk Intan, YB Nga Kor Ming hari ini meneruskan tradisi murni dengan menyalurkan peruntukan berjumlah **RM72,000 kepada 24 buah masjid di seluruh kawasan Parlimen Teluk Intan.**

Sumbangan ini merupakan manifestasi komitmen berterusan beliau dan Parti Tindakan Demokratik (DAP) dalam mengeratkan hubungan silaturahim di peringkat akar umbi.

Dalam ucapan sempena **Majlis Sentuhan Kasih Aidilfitri Peringkat Parlimen Teluk Intan** beliau menegaskan bahawa kepelbagaian budaya dan agama adalah kekuatan utama Malaysia.

"DAP adalah parti untuk semua rakyat tanpa mengira latar belakang. Kami akan teruskan komitmen untuk menyantuni setiap lapisan masyarakat demi memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa terbela," tegas beliau.

Menerusi inisiatif ini, **setiap masjid menerima peruntukan sebanyak RM3,000.** Pihak pengurusan masjid yang hadir turut menzahirkan penghargaan atas keprihatinan dan bantuan yang disalurkan tersebut.

Turut hadir bersama dalam majlis tersebut adalah ADUN Pasir Bedamar merangkap Ketua DAPSY Kebangsaan, YB Woo Kah Leong; Ahli Majlis Perbandaran Teluk Intan, Encik Badrul Hisham bin Badarudin serta Ahli Majlis Perbandaran Teluk Intan Encik Koh Ling Xian.

Suasana majlis berlangsung dengan penuh meriah dengan kehadiran lebih 3,000 penduduk setempat yang menunjukkan semangat perpaduan yang teguh di Teluk Intan.

Sekian, terima kasih.

**YB NGA KOR MING**  
**MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
**11 APRIL 2026**

**- TAMAT -**